

Telefon Xenium 9@9C laris tanpa promosi

PHILIPS Malaysia Sdn Bhd (Philips Malaysia) menjual lebih 2,000 unit telefon mudah alih terbarunya, Xenium 9@9C, dalam tempoh kurang daripada sebulan meskipun tanpa promosi besar-besaran.

Pengurus Jualan dan Pemasaran Syarikat (bahagian tanpa wayar) Harbinder Singh, berkata pihaknya gembira dengan sambutan diterima meskipun hakikatnya syarikat tidak mengiklankannya secara besar-besaran.

Sehubungan itu, beliau berharap dapat meraih lebih banyak jualan kelak kerana lebih ramai orang mengetahui mengenai telefon itu menerusi mulut ke mulut di lebih 800 cawangan-nya di seluruh negara.

Telefon Xenium 9@9C, yang tersedia di bawah format "clamshell" dianggap sebagai "telefon ahli perniagaan" atau bagi eksekutif yang sibuk kerana ia memiliki jangka hayat bateri lebih lama.

Kejayaan hebatnya yang menjadi telefon mudah alih pertama memiliki hayat bateri paling lama untuk tempoh 14 hari bagi "penggunaan biasa" dengan hanya sekali cas kuasa (atau sehingga 8.5 jam masa berbual atau sebulan tempoh bersiap sedia) ba-

ru-baru ini direkodkan dalam Malaysia's Book of Records.

Antara ciri-ciri menarik telefon Xenium 9@9C yang dijual pada harga RM828 seunit itu termasuk skrin berwarna besar, telefon speaker bebas tangan, liputan rangkaian GSM tiga jalur dan memori buku alamat yang besar (sehingga 499 nama), pengelola (organiser) berjadual dan pusat data transmisi lampu infra merah.

Protokol komunikasinya menyokong SMS, MMS, GPRS dan WAP.

Harbinder berkata, maklum balas daripada pengguna yang sering bergerak dari satu tempat ke tempat yang lain menunjukkan bahawa mereka tidak perlu membawa pengecas bateri telefon mereka atau mencari pemadan (adapter) socket yang berbeza apabila berada di negara lain berikutan jangka hayat telefon itu yang lama.

"Orang ramai yang berkunjung atas urusan perniagaan ke tempat seperti Thailand, China dan India memberitahu saya bahawa mereka terkejut bahawa mereka masih mempunyai kuasa bateri mereka ketika balik ke tanah air walaupun selepas beberapa hari di luar negara," katanya.